

**TEKS UCAPAN ALUAN  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG  
KALI KE-4 KOPERASI KUTKM**

*Khamis, 27 Oktober 2011, 3.00 petang  
Dewan Besar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka*

Assalamua'laikum wrt wbt dan Salam 1 Malaysia,

Yang Berbahagia Puan Rabi'ah Al-Adawiyah binti  
Mohamad,  
Penolong Pengarah,  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia;

Yang Berusaha En. Mohd Isa bin Mohd Dom,  
Pengerusi Lembaga Pengarah Koperasi KUTKM  
Berhad;

Ahli-ahli Lembaga Pengarah Koperasi KUTKM Berhad, Pegawai-pegawai Kanan Universiti serta ahli-ahli koperasi yang dihormati sekalian;

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana diberi kesempatan untuk hadir dan seterusnya merasmikan Mesyuarat Agung Koperasi KUTKM Berhad kali ke 4 ini.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah di atas usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Lembaga Koperasi kerana telah berjaya

meningkatkan mutu perkhidmatan Koperasi KUTKM Berhad. Ini dapat dilihat apabila koperasi ini telah memperkemaskan operasinya dengan menyediakan pelbagai barangan keperluan yang dijual di kedai koperasi kepada warga universiti di dalam kampus pada masa ini.

Hadirin dan hadirat yang dihormati

Penubuhan koperasi universiti pada asasnya ialah untuk memberi peluang kepada staf untuk terlibat

dalam aktiviti perniagaan. Ia lebih menjurus kepada aktiviti pelaburan ahli dalam bentuk kewangan kepada koperasi dan seterusnya mendapat pulangan dalam bentuk dividen hasil daripada pelaburan yang dilakukan oleh staf. Pada peringkat ini, koperasi banyak melibatkan diri dalam perniagaan runcit dan penjualan buku sebagai sumber utama pendapatan.

Namun, bagi menjadikan koperasi ini lebih maju dan berwibawa, seharusnya kita perlu mempelbagaikan aktiviti perniagaan yang lebih kompetitif.

Anggota Lembaga Koperasi seharusnya mencari peluang perniagaan dalam bidang yang mereka mempunyai kelebihan. Dana yang dimiliki oleh koperasi jika dimanipulasikan secara optimum mampu membiayai pelbagai aktiviti perniagaan yang bakal memberi pulangan yang besar kepada para ahli. Ini boleh dilaksanakan melalui kerjasama antara koperasi-koperasi lain di luar sana dan syarikat-syarikat swasta.

Hadirin dan hadirat yang dihormati,

Koperasi disarankan merebut peluang perniagaan yang terbuka luas bagi menambah pendapatannya dari semasa ke semasa. Arus pembangunan masa kini seperti perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi serta pengaruh luaran seperti globalisasi dan liberalisasi tidak sahaja mencabar keutuhan koperasi tetapi ia turut menjadi satu peluang kepada koperasi untuk bergerak dalam skala yang lebih besar.

Koperasi perlu beralih kepada penerokaan bidang-bidang baru yang digalakkan oleh kerajaan selain berpotensi besar untuk menyumbang kepada pertumbuhan lebih kukuh seperti industri herba, automotif, perkhidmatan teknologi maklumat, industri makanan halal, perabot dan pembuatan melalui program vendor dengan kerjasama syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta syarikat swasta.



Gabungan kekuatan yang ada pada koperasi dari segi modal dan anggota koperasi yang dipadankan dengan kepakaran dan pengalaman usahawan di sektor swasta merupakan elemen penting dalam konsep kerjasama. Melalui kerjasama ini, perniagaan koperasi dapat dikembangkan untuk menjana pulangan yang lebih tinggi.

Saya mengambil contoh Bank Rakyat sebagai satu contoh bank koperasi yang berjaya dalam bidang kewangan. Ia menggunakan kelebihan dan

pengalaman mengendalikan kewangannya daripada ahli dengan baik dan sentiasa mendapat pulangan pelaburan dalam bentuk dividen yang tinggi. Pinjaman yang diberikan telah meningkatkan tahap ekonomi ahli terutamanya kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang diusahakan oleh ahli-ahli koperasi. Inilah yang sepatutnya dilakukan oleh koperasi untuk mewujudkan situasi “menang-menang”.

Walaupun ia hanyalah sebuah bank koperasi tetapi ia berjaya menyaingi bank-bank saudagar yang lebih kukuh termasuk semasa kegawatan ekonomi dan seterusnya memberi keyakinan kepada pemegang saham untuk terus melabur.

Hadirin dan hadirat yang dihormati

Untuk memperkasakan sektor koperasi, kerajaan telah membatalkan Surat Pekeliling Perbendaharaan 1986 yang secara asasnya melarang koperasi dari

terlibat dalam sebarang perolehan badan berkanun dan menyerahkan kuasa autonomi tersebut kepada IPTA untuk membuat keputusan. Dan sebagaimana surat yang dikeluarkan oleh Pejabat Bendahari pada 14 September 2011, berkaitan dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 1/2011, berkuat kuasa 22 September 2011, adalah dimaklumkan bahawa pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka dengan ini membenarkan dan menjemput Koperasi KUTKM Berhad untuk terlibat sama dalam mana-mana perolehan yang ditawarkan

oleh UTeM dengan syarat bahawa Koperasi memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh UTeM dan Kementerian Kewangan. Ini mencerminkan kesungguhan Universiti untuk menggalakkan koperasi agar lebih maju, kekal relevan dan mampu memainkan peranannya dengan berkesan.

Sehubungan dengan ini, saya ingin menyeru kepada Koperasi KUTKM Berhad agar pembangunan sebegini diteruskan untuk memastikan koperasi akan terus dapat membantu menjana pendapatan di samping

mewujudkan semangat kerjasama di antara ahli-ahlinya pada masa yang mendatang.

Akhir sekali, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Mesyuarat Agung Koperasi KUTKM Berhad Kali Ke Empat.